

PENGARUH FAKTOR EKOLOGI KE ATAS KEMURUNGAN REMAJA

Oleh

SITI ROHANA BT SALLEH

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2004

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

THE INFLUENCE OF ECOLOGICAL FACTORS ON TEENAGE DEPRESSION

By

SITI ROHANA BINTI SALLEH

September 2004

Chairman : Associate Professor Rumaya bt Juhari, Ph.D.

Faculty : Human Ecology

The purpose of the study is to determine the influence of ecological factors (characteristics of teenagers and parents, self esteem, the family functioning and family relationship, peer relationship, school anxiety and academic achievement) on teenage depression. Sample (n=245) are Malay students of form 1, 2 and 4 from selected schools around the District Kinta of Perak. Data were collected using a structured questionnaire.

Self esteem was measured using *Hare Self Esteem* scale (Hare, 1985). Family relationship data was gathered using *Index of Family Relation* (Hudson, 1992) while family functioning was assessed using a general function sub-scale from the *Family Assessment Device* (Epstein, Badwin and Bishop, 1982). The *Inventory of*

Parent and Peer Attachment (Armsden and Greenberg, 1987) was used to measure respondent's peer relationship while school anxiety was measured using *The Boxall Test of School Anxiety* (Boxall, 1961). Academic achievement was determined from final examination results of five compulsory subjects which are Bahasa Melayu, English, Pendidikan Islam, Mathematics and History. Depression was measured using *Children's Depression Inventory* (Kovacs, 1983).

Findings showed that 67.7% of the respondents have moderate self esteem. Majority of the respondents showed moderate family relationship and family functional which were 86.6% and 71.3% respectively. Most respondents (65.8%) also showed moderate relationship with their peers. Other than that, the analysis on their anxiety towards school (65.1%) and academic achievement (69.3%) showed an average score. Majority of the respondents (72.4%) have moderate depression level. The research variable showed that majority score were on moderate level based on the results of the analysis.

Correlation analyses showed significant relationships between self esteem ($r=-0.48$, $p\leq 0.001$), family relationship ($r=0.42$, $p\leq 0.001$), family functioning ($r=0.41$, $p\leq 0.001$), peer relationship ($r=-0.42$, $p\leq 0.001$), school anxiety ($r=0.36$, $p\leq 0.001$), and academic achievement ($r=-0.22$, $p\leq 0.001$) with depression. Furthermore, t-test analyses showed no significant difference between male and female depression ($t=-0.56$, $p\geq 0.05$). Multiple regression analyses indicated that self esteem, family

relationship, peers and school anxiety are significant predictors of depression ($F=33.7, p \leq 0.001$). The study concludes that teenagers who have low self esteem, unstable family and peer relationships, and high school anxiety are prone to suffer from depression. The findings of this research can be a foundation in making any programmes for the development of the teenagers where the focus should be on a few ecological factors such as the parents, family, school, peers, neighbours and local community. These factors have been proven that they play an important role in teenagers' lives.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PENGARUH FAKTOR EKOLOGI KE ATAS KEMURUNGAN REMAJA

Oleh

SITI ROHANA BINTI SALLEH

September 2004

Pengerusi : Profesor Madya Rumaya bt Juhari, Ph.D.

Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh faktor ekologi (ciri personal remaja dan ibu bapa, faktor estim diri, hubungan dan kefungisian keluarga, hubungan rakan sebaya, kerisauan terhadap sekolah dan pencapaian akademik) ke atas kemurungan remaja. Sampel kajian terdiri daripada 245 remaja Melayu tingkatan 1, 2 dan 4 daripada lima buah sekolah menengah terpilih sekitar Daerah Kinta, Perak. Data kajian diperolehi melalui borang soalselidik yang diisi sendiri oleh responden .

Estim diri telah diukur menggunakan Skala *Hare Self Esteem* (Hare, 1985). Hubungan keluarga diukur menggunakan skala *Index of Family Relation* (Hudson,1992) manakala kefungisian keluarga diukur menggunakan sub-skala

fungsi am keluarga daripada skala *Family Assessment Device* (Epstein, Badwin, dan Bishop,1982). *Inventory of Parent and Peer Attachment* (Armsden, dan Greenberg, 1987) digunakan untuk mengukur hubungan remaja dengan rakan sebaya manakala kerisauan terhadap sekolah menggunakan *The Boxall Test of School Anxiety* (Boxall, 1961). Pencapaian akademik ditentukan melalui markah peperiksaan akhir untuk lima matapelajaran wajib iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Matematik dan Sejarah. Kemurungan diukur menggunakan skala *Children's Depression Inventory* (Kovacs,1983).

Dapatan kajian menunjukkan majoriti remaja (67.7%) menunjukkan tahap estim diri yang sederhana. Dapatan juga menunjukkan majoriti remaja menunjukkan hubungan keluarga dan kefungsiian keluarga yang sederhana iaitu masing-masing 86.6% dan 71.3%. Kebanyakan responden (65.8%) juga menunjukkan hubungan yang sederhana dengan rakan sebaya. Selain itu, analisis ke atas tahap kerisauan terhadap sekolah (65.1%) dan pencapaian akademik (69.3%) juga menunjukkan skor yang sederhana. Majoriti responden (72.4 %) menunjukkan tahap kemurungan yang sederhana. Kesemua hasil analisis terhadap angkubah kajian menunjukkan majoriti skor adalah pada tahap yang sederhana.

Hasil analisis kolerasi *Pearson* menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara estim diri ($r = -0.48, p \leq 0.001$), hubungan dengan keluarga ($r = 0.42, p \leq 0.001$), kefungsiian keluarga ($r = 0.41, p \leq 0.001$), hubungan dengan rakan sebaya

($r = -0.42$, $p \leq 0.001$), kerisauan terhadap sekolah ($r = 0.36$, $p \leq 0.001$) serta pencapaian akademik ($r = -0.22$, $p \leq 0.001$) dengan kemurungan. Hasil ujian-t menunjukkan tiada perbezaan di antara kemurungan remaja lelaki dan perempuan ($t = -0.56$, $p \geq 0.05$). Analisis regresi berganda menunjukkan faktor estim diri, hubungan keluarga, rakan sebaya dan kerisauan terhadap sekolah merupakan angkubah yang signifikan terhadap kemurungan ($F=33.71$, $p \leq 0.001$). Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati remaja yang mempunyai tahap estim diri yang rendah, hubungan dengan keluarga dan rakan sebaya yang tidak stabil serta kerisauan terhadap sekolah yang tinggi adalah berpotensi untuk murung. Dapatan kajian ini boleh dijadikan landasan kepada sebarang program yang dirancang untuk pembangunan remaja dimana fokus hendaklah mengambilkira faktor ekologi seperti ibu bapa, keluarga, sekolah, rakan sebaya, jiran dan masyarakat setempat. Faktor ini terbukti memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kehidupan remaja.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Segala pengalaman dan pengajaran yang dilalui makin mendewasakan saya. Dengan redhaNya akhirnya saya berjaya sampai ke tahap ini. Alhamdulillah!

Pertama sekali terima kasih tidak terhingga buat penyelia yang banyak bersabar dan tidak jemu memberi dorongan serta nasihat, Professor Madya Dr. Rumaya bt Juhari. Jasamu ku kenang, budimu ku sanjung, pengorbananmu ku hargai.

Tidak dilupakan buat Ahli Jawatankuasa tesis yang lain Puan Rojanah bt Kahar dan Puan Siti Nor bt Yaacob, sedetik masa bersama, kita hargai walau seketika. Pesanan berguna kalian terpahat diingatan. Juga untuk Shida, Erna dan Kak Ina di UPM, kalian sentiasa dihati. Tidak dilupa untuk cikgu Jaja dan Dr. Rodziah (Wancho) yang banyak membantu. Sumbangan jasa dan bakti kalian untuk tesis ini sebenarnya telah ditakdirkan.

Buat mak dan ayah yang dikasihi, terima kasih atas restu dan doa. Keresahan kalian tanda kasih sayang yang tidak terhingga. Buat suami tercinta Daniah Hazim, terima kasih atas kesabaran dan pengorbanan. Kau pendorong dan pembakar semangatku. Buat permata hatiku Ammar Azhad, kau sumber

inspirasi Umi, terima kasih kerana memahami Umi yang adakalanya tidak dapat bersama menemanimu. Segalanya untukmu jua akhirnya.

Untuk adik tersayang Cik Ela dan Cik Mah, sesungguhnya tiada yang mustahil dalam hidup ini melainkan atas usaha yang bersungguh-sungguh. Buat mama dan abah yang sentiasa memahami, terima kasih tidak terhingga, tiada yang dapat membalas segala jasa melainkan Allah jua.

Akhir sekali, buat teman seperjuangan di kolej UNISMA, Ipoh Sopi, Ana, Sapri, Zali dan semuanya. Apabila kita tidak bersama, janganlah putus persahabatan kita. Terima kasih semuanya, terima kasih untuk segalanya.

Bertemu kita di puncak Jaya!

SITI ROHANA BT SALLEH

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Siti Rohana bt Salleh telah mengadakan peperiksaan akhir pada 3hb September 2004 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pengaruh Faktor Ekologi ke atas Kemurungan Remaja” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut :

Dato’ Abdullah Al-Hadi bin Muhamed, Ph.D.

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hj. Azimi bin Hamzah, Ph.D.

Profesor
Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Dr. Maznah bt Baba, Ph.D.

Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

Mohd. Tajudin bin Hj. Ninggal, Ph.D.

Profesor
Pusat Kaunseling dan Kerjaya
Universiti Teknologi Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D

Profesor/Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut :

Rumaya bt Juhari, Ph.D
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Nor bt Yaacob, Ph.D
Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rojanah bt Kahar, MCL
Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/Dekan,
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

SITI ROHANA BT SALLEH

Tarikh :

SENARAI KANDUNGAN

	Mukasurat
ABSTRACT	ii
ABSTRAK	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PENGAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	<i>Pengenalan</i>	1
1.2	Kenyataan Masalah	10
1.3	Kepentingan Kajian	14
1.4	Objektif Kajian	18
	1.4.1 Objektif Am	18
	1.4.2 Objektif Khusus	18
1.5	Hipotesis Kajian	19
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	20
	1.6.1 Teori Ekologi Manusia	22
1.7	Definisi Istilah	28
	1.7.1 Faktor Ekologi	28
	1.7.2 Remaja	29
	1.7.3 Ciri Personal Remaja	29
	1.7.4 Ciri Personal Ibu bapa	29
	1.7.5 Estim Diri	29
	1.7.6 Hubungan Keluarga	30
	1.7.7 Kefungsian Keluarga	30
	1.7.8 Rakan Sebaya	30
	1.7.9 Kerisauan Terhadap Sekolah	31
	1.7.10 Pencapaian Akademik	31
	1.7.11 Kemurungan	31
1.8	Limitasi Kajian	32

2 ULASAN KARYA TERPILIH

2.1	Fenomena Kemurungan	34
2.1.1	Definisi Kemurungan	35
2.1.2	Simptom Kemurungan	39
2.1.3	Kemurungan dari segi Latarbelakang Remaja dan Keluarga	42
2.2	Faktor Penyebab Kemurungan	45
2.2.1	Kemurungan dan Estim Diri Remaja	46
2.2.2	Faktor Keluarga	48
2.2.3	Pengaruh Rakan Sebaya	51
2.2.4	Faktor Sekolah	56
2.3	Rumusan	61

3 METODOLOGI

3.1	Rekabentuk Kajian	68
3.2	Lokasi Kajian	69
3.3	Persampelan	69
3.4	Pengumpulan Data	70
3.5	Instrumentasi	71
3.6	Pengukuran Angkubah	72
3.6.1.1	Angkubah Bebas	72
3.6.1.2	Angkubah Sandar	82
3.7	Ujian Reliabiliti Skala	83
3.8	Penganalisan Data	85

4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	105
4.2	Analisis Deskriptif	106
4.2.1	Ciri Personal Remaja	106
4.2.2	Ciri Personal Ibu bapa	108
4.2.3	Estim Diri Remaja	110
4.2.4	Faktor Keluarga	112
4.2.5	Hubungan Rakan Sebaya	115
4.2.6	Faktor Sekolah	117
4.2.7	Kemurungan	121

4.3	Analisis Inferensi	122
4.3.1.	Perkaitan Antara Angkubah Yang Dikaji dengan Kemurungan	122
4.3.2	Perbezaan Tahap Kemurungan diantara Remaja Lelaki dan Perempuan	130
4.3.3	Mengenalpasti Penentu Tahap Kemurungan dikalangan responden yang dikaji	132
4.4	Rumusan Hasil Kajian	134
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan Kajian	136
5.2	Kesimpulan Kajian	150
5.3	Implikasi Hasil Kajian	158
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	165
	BIBLIOGRAFI	167
	LAMPIRAN	177
	A Borang Soalselidik	178
	BIODATA PENULIS	186